

20 SEP 1997

Bank

BANK DUNIA/IMF: DARIPADA PUJIAN KEPADA PENYELESAIAN

Satu analisis berita

Oleh: Azman Ujang

HONG KONG, 20 Sept (Bernama) -- Mesyuarat tahunan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) di sini sepatutnya menjadi sambutan hasil kejayaan negara-negara semakin maju di Asia seperti Malaysia, tetapi secara tiba-tiba sahaja, ia bertukar menjadi mesyuarat untuk membincangkan satu krisis.

Untuk sekian lamanya, negara-negara Asia yang sudah bertapak di bidang ekonomi dan juga yang baru hendak maju, dipandang begitu tinggi oleh dunia serta dianggap sebagai contoh bagaimana sesebuah negara itu boleh dimakmurkan.

Mereka mempunyai ramuan yang betul; kewangan awam yang stabil, kadar tabungan dan pelaburan tinggi serta integrasi bersungguh-sungguh dengan ekonomi dunia.

Tetapi kini Thailand berkecamuk, Korea Selatan lebih teruk, dan Malaysia, Indonesia serta Filipina tidak jauh di belakang.

Persoalan yang timbul di kalangan peserta mesyuarat kembar itu yang terdiri daripada para pembiayai kewangan paling berpengaruh di dunia, tokoh-tokoh usahawan dan jutawan ialah : Sejauh mana lagi mereka akan jatuh dan siapa seterusnya?

Pada satu seminar IMF semalam, para pegawainya nampaknya mengambil pendirian "Jangan salahkan doktor jika anda tidak endahkan nasihatnya" dalam menangkis kecaman khususnya cara mereka menangani krisis di Thailand.

Krisis mata wang tercetus di Thailand pada Julai kerana pelbagai sebab, terutamanya kejatuhan pasaran hartanahnya dan keadaan politik tidak stabil, dan kesannya mulai merebak ke Malaysia.

Bagi Malaysia, semua kejayaan hasil pertumbuhan ekonomi 8 peratus untuk lapan tahun berturut-turut nampaknya lesap setelah nilai ringgit menjunam 20 peratus berbanding dollar Amerika, dan harga saham pula merosot kerana pengaliran keluar dana asing.

Perubahan nasib Malaysia ini membuktikan bagaimana rapuhnya keadaan, sekalipun ia mempunyai asas yang kukuh, jika berdepan dengan serangan spekulatif yang disebut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disebabkan oleh spekulator besar seperti George Soros dari Amerika Syarikat.

Dalam satu temubual dengan AP-Dow Jones yang diterbitkan semalam, Dr Mahathir mengakui bahawa krisis mata wang itu telah menghakis 10 tahun daripada kejayaan Malaysia.

Presiden Bank Dunia James Wolfensohn berkata krisis Thai itu menimbulkan dua persoalan : "Pertama, bagaimana kita berada dalam keadaan yang dialami oleh Thailand.

"Kedua, sudahkah kita melakukan yang secukupnya, dan jika tidak, apa perlu kita lakukan sekarang, dan lebih penting, apakah harus kita buat sekarang untuk menjamin sesuatu yang berlaku itu pulih sendirinya dengan cara yang stabil dan tidak banyak kesan?"

Satu masalah tambahan bagi Thailand dan jiran-jirannya ialah kemungkinan berlaku undi tidak percaya terhadap kerajaan pimpinan Perdana Menteri Chavalit Yongchaiyudh, dan ini membimbangkan Wolfensohn dan Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus.

Kemungkinan ini, menurut pegawai-pegawai di sini, timbul ketika Malaysia bergelut pula dengan masalah jerebu akibat daripada kebakaran ratusan ribu hektar hutan di Indonesia.

"Kita ingin melihat Thailand bertindak lebih pantas dan tegas. Kita

sedia membantu sebaik saja mereka bersetuju berbincang dengan kita," kata Wolfensohn merujuk kepada pakej IMF berjumlah US\$17.2 bilion (RM51.6 bilion) bagi menyelamatkan Thailand daripada krisis kewangannya, tetapi yang belum dilaksanakan kerana perbelahan di kalangan ahli-ahli politik negara itu.

"Terpulang kepada pihak Thai untuk membuat keputusan tetapi saya sependapat dengan Camdessus yang mahu tindakan pantas," kata Wolfensohn.

Dalam satu temubual semalam, Camdessus berkata IMF telah memberi isyarat mengenai krisis di Thailand itu 18 bulan sebelum ia berlaku.

"Tetapi kerajaan sesebuah negara berdaulat bebas untuk membuat keputusan yang silap atau bertindak dengan betul walaupun terlewat," katanya.

Dalam ucapannya pada mesyuarat pertama Menteri-menteri Kewangan Asia-Eropah di Bangkok semalam, Camdessus membangkitkan mengenai pentingnya ketelusan dalam pasaran.

Edgar Cheng Wai-kin dari Bursa Saham Hong Kong memberitahu satu seminar di sini bahawa ahli-ahli politik Asia seharusnya menumpukan usaha memajukan pasaran mereka daripada menganggap pelabur asing sebagai "musuh awam".

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang dijadual tiba esok untuk menghadiri mesyuarat itu, berkata beliau akan menggunakan kesempatan itu untuk meminta IMF menyedari hakikat bahawa liberalisasi memerlukan pertanggungjawaban dan kawalan yang wajar.

"Sebuah pasaran tanpa kawalan akan menjadi mangsa penyangak kewangan," kata beliau. -- BERNAMA

AU MAI